# ✨Bidalan✨

1. adat periuk berkerak, adat lesung berdedak

maksud : jika ingin hidup mewah, mestilah berusaha 💸

2. batu yang selalu bergolek dalam sungai itu tiada dihinggapi lumut

maksud : seseorang yang selalu bertukar-tukar kerja sukar hendak mencapai kemajuan 👩🏻‍💼

3. belum duduk sudah berlunjur

maksud : belum memperoleh sesuatu yang dihajati tetapi sudah berasa gembira 😍

4. berbual di alang, berlayar di luar musim

maksud : melakukan sesuatu pada masa yang tidak sesuai 🙅🏻‍♂️

5. bercakap siang pandang-pandang, bercakap malam dengar-dengar

maksud : perlu berhati-hati apabila memperkatakan sesuatu 🤔

6. berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat

maksud : berfikir baik-baik dahulu kemudian baru bertindak 🏃🏻‍♀️💨

7. berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak

maksud : membuat kerja sambilan sementara mendapat pekerjaan yang tetap 🌽

8. berpahit-pahit dahulu supaya manis kemudian

maksud : membuat kerja yang susah dahulu, yang senang dibuat kemudian 💆🏻‍♀️

9. bersihkan halaman sendiri dulu, baru bersihkan halaman orang

maksud : membetulkan kesalahan sendiri dahulu sebelum membetulkan kesalahan orang lain 🤦🏻‍♂️

# Bidalan

10. bertanjak baharu tinjau

maksud : membuat kerja mengikut aturan 💪🏻

11. kalau bukan rezeki, di mulut lari ke luar

maksud : rezeki (harta) yang belum dapat ditentukan sebagai milik sendiri 💰

12. kalau dicampak bunga takkan dibalas dengan tahi

maksud : budi baik seseorang tidak akan dibalas dengan kejahatan 🥰

13. kalau pandai meniti buih, selamat badan sampai ke seberang

maksud : orang yang pandai membawa diri, akan selamat 💁🏻‍♀️

14. kalau secupak takkan jadi segantang

maksud : sesuatu yang sudah ditentukan, tidak boleh diubah lagi 🧺

15. karam berdua, basah seorang

maksud : dua orang yang melakukan kesalahan tetapi seorang sahaja yang dihukum 🧑🏼‍⚖️

16. kasihkan anak tangan-tangankan, kasihkan isteri tinggal-tinggalkan

maksud : jangan terlampau memanjakan orang yang disayangi 👨‍👩‍👧‍👦

17. kata seorang dibulati, kata bersama diperiakan

maksud : urusan peribadi boleh diputuskan sendiri tetapi urusan orang beramai-ramai perlu dirundingkan bersama-sama 🗣️😉

18. ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni

maksud : sama-sama menikmati kesenangan atau menghadapi kesusahan 🧗‍♀️❤️

19. kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa

maksud : pengetahuan seseorang itu bukanlah diukur berdasarkan rupanya/umurnya 👦🏽👴🏽

# ✨Bidalan✨🦋

20. kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan
maksud : menyatakan rasa terima kasih dan berbesar hati kerana nasihat atau pertolongan orang lain 🥺

21. alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
maksud : kalau sudah terlanjur membuat sesuatu perbuatan, biarlah dibuat sehingga memperolehi hasilnya 🏁

22. anjing yang bercawat ekor
maksud : orang yang menyisihkan dirinya kerana perasaan malu atau sebagainya 😔

23. anjing biasa makan tahi, jika tidak makan, dicium ada juga
maksud : orang yang pada suati masa pernah membuat jahat, sekali sekala teringat perbuatan jahatnya itu 💀

24. anjing ditepuk menjongket ekor
maksud : orang yang tiada budi pekerti jika dihormati akan menjadi sombong 😒

25. apa yang peduli pada kukuran, nyiur juga yang akan habis
maksud : memang mudah menyuruh seseorang melakukan kerja, tetapi orang yang melakukan kerja itu akan menghadapi kesukaran 🤦🏼‍♀️

26. apa kurang pada belida, sisik ada tulang pun ada
maksud : cukup mempunyai segala yang diperlukan 🐠

27. ayam baru belajar berkokok
maksud : baru cukup umur 👦🏽

# Bidalan

28. ayam berinduk, sirih berjunjung
maksud : setiap orang yang lemah harus mendapat bantuan dan perlindungan

29. ayam bertelur di atas padi, mati kelaparan
maksud : orang yang hidup miskin di negara kaya dan makmur / hidup menderita walaupun bergaji besar, beristeri atau bersuam orang kaya 🙃💸

30. ayam ditambat disambar helang, padi di tangan lalang
maksud : nasib yang malang 🦅😞

31. terkilat ikan dalam air, sudah tahu jantan betina
maksud : orang yang bijaksana dapat mengetahui maksud seseorang daripada gerak-gerinya 💃

32. terlangsung perahu boleh balik, terlangsung cakap tak boleh balik
maksud : berfikir baik-baik sebelum bercakap kerana kata-kata yang telah diucapkan tidak dapat ditarik balik 🚣

33. terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau
maksud : selepas terlepas daripada suatu bahaya, mendapat bahaya lain pula 🐯

34. tiada beban batu digalas
maksud : mencampuri hal orang lain dan menyusahkan diri sendiri

35. tiada gading yang tak retak
maksud : walau bagaimana elok sekalipun, sesuatu atau seseorang itu ada cacatnya 😌